

# Pertimbang sastera sebagai subjek utama

**KUALA LUMPUR 1 Okt.** - Sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan menjadikan sastera sebagai salah satu subjek utama dalam sistem pendidikan negara bagi menanam sikap cintakan negara sejak kecil lagi.

Mengutarakan pandangan tersebut, Sasterawan Negara, Prof. Emeritus Dr. Muhammad Salleh berkata, melalui sastera, masyarakat terdedah dengan sejarah dan jati diri yang membentuk bangsa Malaysia ke arah yang lebih patriotik.

Menurut beliau, elemen sastera dalam silibus komponen sastera (Komsas) yang sekarang digunakan dalam sistem pendidikan negara tidak mencukupi dan perlu ditambah baik.

“Kita sering mengutamakan aspek kemajuan negara tetapi lupa tentang pembangunan akhlak golongan muda yang dilihat semakin tersasar daripada landasan sebenar tamadun dan budaya kita.

“Sastera perlu dilihat sebagai wacana intelektual yang melatih masyarakat untuk berfikir dengan lebih matang dan berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Syarahan Perdana: Dalam Zaman Mabuk Zsains dan Teknologi, Mengapa Sastera? anjuran Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Pu-



**MUHAMMAD SALLEH**

tra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Yang turut hadir Dekan FBMK, Prof. Madya Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad; Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Dr. Norazlina Mohd. Kiram serta Sasterawan Negara, Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah.

Mengulas lanjut, Muhammad berkata, elemen sains dan sastera perlu diimbangkan kerana kedua-dua aspek tersebut amat penting dalam membangunkan negara sekali gus mengekalkan ketamadunan budaya dan bangsa.